

# **PENGAJIAN TAFSIR DI KELANTAN: SATU TINJAUAN SEJARAH**

Oleh:

Mustaffa bin Abdullah  
Mohd Asmadi bin Yakob

## **Abstract**

*The article attempts to expose various types of studying the Qur'anic exegesis in the state of Kelantan. The teaching of Qur'anic exegesis has its foundation in the traditional Islamic educational institution of known as "pondok" and informal institutions such as mosque, suraus and others. However, the teaching method of Qur'anic exegesis has changed due to the introduction of Islamic religious schools and Arabic schools in Kelantan. These formal Islamic educational institutions paid special attention to the teaching of Qur'anic exegesis in order to make students understand the contents of the holy Qur'an correctly and get the true teachings of Islam.*

## **PENDAHULUAN**

Jolokan Serambi Mekah yang diberikan kepada Kelantan adalah gambaran kepada kecemerlangan yang ada pada negeri ini yang pernah menjadi pusat pengajian ilmu Islam di rantau Melayu, selepas Aceh dan Patani. Kemunculan ramai ulama di Kelantan yang hebat dalam berbagai ilmu Islam lepasan dari institusi pengajian Islam di Mekah, Mesir, India, Patani dan Aceh menjadi faktor tarikan kepada masyarakat luar untuk datang ke negeri ini bagi menimba ilmu pengetahuan. Pondok-pondok pengajian dibuka di merata-rata tempat bagi membolehkan aktiviti penyampaian ilmu Islam termasuk tafsir al-Qur'an dapat dilakukan dengan lebih baik dan berkesan.

Pengajian tafsir pada peringkat awal melalui sistem pondok ini menjadikan karya-karya tafsir klasik sebagai buku teks bagi para pelajar. Huraian yang diberikan terhadap teks tersebut adalah tidak menyeluruh. Walau bagaimanapun, orientasi pengajian tafsir al-Qur'an berubah setelah ia dilaksanakan menerusi sistem

pengajian di sekolah yang turut memberi perhatian kepada ilmu dunia. Para pelajar tidak lagi didedahkan dengan tafsir-tafsir klasik, sebaliknya mereka turut didedahkan dengan tafsir-tafsir moden. Beberapa surah tertentu dipilih untuk dipelajari oleh pelajar. Ia merupakan satu pembaharuan yang diperkenalkan dalam pengajian tafsir di Kelantan.

## SEJARAH PENGAJIAN AL-QUR'AN DI KELANTAN

Sejarah pengajian al-Qur'an di Kelantan adalah sama dengan tarikh kemasukan Islam ke negeri ini, kerana Islam dan al-Qur'an adalah dua elemen yang tidak dapat dipisahkan. Walau bagaimanapun, setakat ini belum ada sejarawan yang dapat menetapkan tarikh kemasukan Islam dan permulaan pengajian al-Qur'an di Kelantan. Ini kerana menurut Koo Kay Kim, sejarah pengajian negeri ini adalah kurang diberi perhatian oleh para sejarawan.<sup>1</sup> Malah Graham, seorang penasihat Siam, warganegara British di Kelantan pada tahun 1903-1909M, telah menulis sebuah buku mengenai Kelantan, berjudul: "*Kelantan: A State in The Peninsula*" yang diterbitkan pada tahun 1908. Beliau antara lain menegaskan bahawa sejarah awal negeri Kelantan sudah tidak dapat dikesan kerana fakta yang berekod tidak pernah disimpan.<sup>2</sup>

Catatan sejarah menunjukkan bahawa Islam telah masuk ke negeri Kelantan sebelum abad ke 12 lagi dan agama ini telah dianuti oleh peribumi Kelantan. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan penemuan dinar yang dijumpai di Kota Kubang Labu, Pasir Pekan, Kelantan.<sup>3</sup> Pada abad ke 5 Hijrah, penulisan al-Qur'an telah dikesan dipakai di batu-batu nesan orang-orang Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Sebagai contohnya apa yang dapat dilihat pada batu nesan yang dijumpai di Teluk Che' Munah Pahang yang tertulis dengan ayat-ayat al-Qur'an. Tarikh yang terdapat pada batu nesan tersebut ialah: waktu subuh, hari Rabu, 14 Rabi' al-Awwal tahun 419 Hijrah. Selain daripada itu, Batu Bersurat yang dijumpai di Kuala Berang, Terengganu, bertarikh 702 Hijrah atau 303 Masehi merupakan bukti

---

<sup>1</sup> Koo Kay Kim (1972), "Semenanjung Tanah Melayu III", dalam Zainal Abidin Ahmad, *Sejarah Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 82-83.

<sup>2</sup> Graham, Walter Armstrong (1908), *Kelantan: A State in the Peninsula*, Glasgow: Maclehos, h. 38. Lihat juga Ismail Awang (1987), *Pengajian dan Tafsir al-Qur'an*, Kota Bharu: Dian Darulnaim, h. 73.

<sup>3</sup> Haji Nik Mahmud Ismail (1926), *Kitab Jografi dan Tarikh Negeri Kelantan*, Kota Bharu: t.pnt, h. 15.

tertua tentang wujudnya sebuah negeri yang menjalankan undang-undang Islam di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>4</sup>

Islam juga dipercayai telah dibawa masuk secara langsung ke Kelantan dari negara Arab. Ini kerana penganut Islam di Kelantan sejak dari dahulu lagi bermazhab Shafi'i. Mereka membaca al-Qur'an mengikut hafaz dan bunyi sebutannya tidak berbeza dengan sebutan lidah orang-orang Arab.<sup>5</sup> Selain dari wang Dinar bertarikh 577 H. yang menggunakan tulisan Arab, Pitis (wang) yang menjadi perbelanjaan Kerajaan Kelantan juga terdapat tulisan Arab. Penggunaan tulisan Arab pada pitis ini dikesan pada tahun 1321H, bersamaan 1906M. Pada pitis tersebut bertulis: “ ( ضرب في ذي الحجة ١٣٢١ م ) ”, yang bermaksud “dikeluarkan pada bulan Zulhijjah 1321 M.” Pitis ini digunakan di samping ringgit yang diperkenalkan oleh Kerajaan Selat.<sup>6</sup>

Negeri Kelantan juga terkenal dengan gelaran Serambi Mekah. Gelaran ini membayangkan bahawa kedudukan Islam di negeri tersebut adalah kuat. Telahan itu kelihatan tepat memandangkan Kelantan telah beberapa kali menjalankan hukum Islam mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah, misalnya pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad dan Sultan Mansur, walaupun tidak sepenuhnya.<sup>7</sup>

Kelantan juga pernah menjadi pusat pengajian Islam di Malaysia dan di Tenggara Asia umumnya. Keadaan ini digambarkan oleh Zainal Abidin Ahmad (Za'aba) menerusi kenyataannya seperti berikut:

“Maka pada sesetengah kampung pula apabila sudah anak-anak itu dikhatamkan al-Qur'an dan dikhitankan jika berhajat ibu bapanya hendak memberi dia pelajaran ugama yang lebih lanjut, dan yang dimaksudkan dengan negeri itu pada pengetahuan setengah orang kampung ialah (di Semenanjung ini) Negeri Kedah atau Patani atau Kelantan. Kerana pada faham ibu bapa itu di sinilah tempat tumpuan ugama Islam dalam kawasan Tanah Melayu ini.”<sup>8</sup>

<sup>4</sup> Mohd. Mokhtar bin Shafi'i, “Batu Nesan Kurun ke 5H. atau 10M. di Pekan Pahang” dalam *Tamadun Islam di Malaysia* (1980), Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 5.

<sup>5</sup> Ismail Awang (1987), *op.cit.*, h. 78.

<sup>6</sup> Sa'ad Shukri Haji Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 105.

<sup>7</sup> Mohd Husain Khal'i (1971), *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu: Pustaka DIAN Press, h. 105.

<sup>8</sup> Zainal Abidin Ahmad (1958), *Asohan Budi*, Kuala Lumpur: H.M. Shah, h. 271-272.

Kenyataan di atas menggambarkan bahawa Kelantan telah menjadi pusat tumpuan pelajar dari Semenanjung Tanah Melayu dan jiran serantau seperti Indonesia, Filipina, Kemboja, Patani dan lain-lain negara. Mereka datang untuk mempelajari al-Qur'an dan agama Islam.

## **ALIRAN PENGAJIAN TAFSIR**

Pengajian Tafsir di Kelantan berlaku selari dengan perkembangan pengajian ilmu-ilmu Islam yang lain. Sistem pengajian tafsir ini menerima perubahan besar setelah tersebarnya idea pembaharuan yang dicetuskan oleh tokoh-tokoh mujaddid Islam di Mesir ke Semenanjung Tanah Melayu. Dari sudut metod pengajiannya pula, boleh dikatakan bahawa metod pengajian tafsir yang diajar oleh para ulama tempatan adalah berbeza antara satu dengan yang lain.

Guru-guru kelulusan Timur Tengah iaitu yang balik dari Mekah dan Madinah lazimnya mengajar tafsir di institusi-institusi pengajian pondok. Mereka mengajar al-Qur'an di pondok-pondok berpandukan kitab-kitab tafsir tertentu. Manakala guru-guru kelulusan Mesir pula tidak membuka institusi-institusi pengajian pondok dan kebanyakan mereka menjadi pegawai kerajaan, pensyarah universiti, ahli politik dan sebagainya.

Manakala lulusan India pula, ada yang membuka pondok, tetapi jumlah mereka tidaklah ramai. Antaranya ialah Haji Abdullah bin Noh, dari Pasir Putih yang mengajar tafsir, di mana intisari dari pengajaran tafsirnya dibukukan dengan judul *Khulasah al-Qur'an*. Kebanyakan daripada mereka hanya mengajar di sekolah-sekolah agama, madrasah dan di masjid-masjid sahaja, misalnya Haji Mohd. Salleh bin Haji Wan Musa Tuan Tabal dan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, tokoh ulama lulusan Mesir yang menarik perhatian ramai. Tafsiran guru-guru lulusan India dan Mesir adalah lebih luas dan mendalam serta tidak hanya terikat kepada satu-satu karya tafsir sahaja. Oleh yang demikian, pengajian tafsir di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga bentuk, iaitu pengajian tafsir di institusi pengajian pondok, pengajian tafsir dalam sistem persekolahan dan pengajian tafsir di institusi pendidikan non formal seperti masjid, surau dan madrasah.

### **1. Pengajian Tafsir Di Institusi Pengajian Pondok**

Kelahiran pondok-pondok pengajian di Kelantan<sup>9</sup> adalah dicetuskan oleh kesedaran

---

<sup>9</sup> Pondok pertama yang dibina di Kelantan ialah di Kampung Surau Pulau Chondong. Ia diasaskan oleh Imam Haji Abdul Samad bin Abdullah di sekitar permulaan suku kedua abad ke 19 Masihi. Lihat, Ismail Che Daud, "Tok Pulau Chondong (1792-

keagamaan dan kecintaan terhadap ilmu di kalangan para ulama lulusan pengajian dari Mekah, Madinah, Patani dan lain-lain tempat. Setelah mereka tamat belajar, mereka kembali ke Kelantan dan membuka pondok untuk mengajar ilmu agama kepada masyarakat tempatan.

Zaman antara tahun 1900 hingga 1957, boleh dianggap sebagai “Zaman Emas” dalam sejarah pengajian pondok di Kelantan.<sup>10</sup> Lanjutan dari zaman keemasan ini dapat dilihat pada era pemerintahan Sultan Muhammad, di mana pengajian cara pondok berkembang dengan pesat di Kelantan. Para ulama yang terkenal ketika ini ialah tokoh-tokoh seperti Tok Kenali,<sup>11</sup> Tok Bachok,<sup>12</sup> Tok Selihong,<sup>13</sup> Tok Padang Jelapang,<sup>14</sup> Haji Omar Sungai Keladi<sup>15</sup> dan lain-lain.

---

1873)” dalam Ismail Che Daud (2001), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu* (2), Kota Bharu: Majlis U gama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 71.

<sup>10</sup> Abdul Razak Mahmud (2003), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 107.

<sup>11</sup> Nama penuh beliau ialah Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad. Dilahirkan pada tahun 1868 dan meninggal dunia pada tahun 1933. Setelah lama belajar daripada ulama tempatan, beliau menyambung pengajian ke Makkah dan berada di sana selama 20 tahun. Sekembalinya ke tanah air, beliau membuka pondok di kampung Kenali Kubang Kerian. Lihat, Ismail Che Daud (2001), *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu*, Kota Bharu: MAIK; lihat juga Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1983), *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 25-29.

<sup>12</sup> Nama beliau ialah Haji Uthman bin Haji Muhammad. Dilahirkan di kampung Tok Burong, Bachok, Kelantan sekitar tahun 1860-an dan meninggal dunia pada tahun 1953. Setelah tamat belajar di Patani dan Makkah, beliau membuka pondok di Bachok. Beliau pernah ditawarkan jawatan Mufti, tetapi ditolakny a. Untuk maklumat lanjut, lihat Ismail Che Daud, *ibid.*

<sup>13</sup> Nama sebenar beliau ialah Haji Abdul Rahman bin Haji Uthman. Dilahirkan di Kampung Selehong, Tumpat pada tahun 1871 dan meninggal dunia pada tahun 1935. Pernah memondok di Patani selama tujuh tahun dan seterusnya melanjutkan pengajian ke Makkah. Sekembalinya ke tanah air, beliau membuka pondok di Selehong, lihat *ibid.*, h. 293

<sup>14</sup> Nama sebenar beliau ialah Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Halim. Dilahirkan pada tahun 1861 dan meninggal pada tahun 1934. Pernah menuntut di Patani dan ke Makkah sebelum membuka pondok di Kampung Padang Jelapang. Untuk maklumat lanjut, lihat *ibid.*, h. 326-335.

<sup>15</sup> Nama sebenar beliau Haji Omar bin Ismail Nuruddin. Dilahirkan sekitar tahun 1820 an dan meninggal dunia pada tahun 1946 di Kampung Atas Banggol. Beliau pernah belajar di Makkah dan berguru dengan ramai ulama terkenal seperti Haji Wan Ahmad

Mereka telah membuka pondok masing-masing.<sup>16</sup> Di Pondok, murid-murid mempelajari kitab-kitab jawi dan Arab, serta mempelajari al-Qur'an. Guru-guru al-Qur'an yang terlibat dengan pengajaran adalah ramai. Namun di antara mereka yang terkenal ialah nama-nama seperti Haji Mohammad Amin bin Mat Diah Kenali, Haji Mohammad bin Lebai Ahmad Pintu Geng, Kota, Haji Nik Zainal Abidin, Tok Konok Atas Banggol, Haji Mahmod Haji Othman Pasir Mas, Haji Wan Mahmod, Tok Mesir di Lorong Gajah Mati, Kota Bharu, Mohd Yunus Telaga Biru, Kota Bharu dan lain-lain.<sup>17</sup>

Dalam sistem pondok, pengajian tafsir al-Qur'an adalah merupakan salah satu daripada mata pelajaran yang diajar, di samping pelajaran Fiqh, Tawhīd, Ḥadīth, Naḥw, Balāghah, al-Qur'ān, Tajwid dan Taṣawwuf.<sup>18</sup> Guru-guru pondok memilih kitab-kitab tafsir yang sesuai untuk pelajar-pelajar mereka dan kitab tafsir yang paling popular ialah *Tafsīr al-Jalālayn*.<sup>19</sup> Pun begitu, ada juga pondok yang memilih kitab *Tafsīr al-Bayḍāwī*,<sup>20</sup> *al-Nasafī*<sup>21</sup> dan *Tafsīr al-Khāzin*.<sup>22</sup> Manakala

---

bin Muhammad Zain al-Fatani, Wan Ali Kutan dan lain-lain. Untuk maklumat lanjut, lihat *ibid.* h. 457-474.

<sup>16</sup> Ismail Awang (1987), *op.cit.*, h. 82.

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 82-83.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 178.

<sup>19</sup> *Tafsīr al-Jalālayn* ialah tafsir yang dikarang oleh Jalāl al-Dīn Muḥammad al-Maḥallī. Beliau tidak sempat mentafsir al-Qur'an sehingga selesai, kerana meninggal dunia pada tahun 84 H. Kerja pentafsiran diteruskan oleh Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī sehingga tamat, iaitu dari surah Barā'ah hingga surah al-Isrā'. Lihat Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (1995), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 341.

<sup>20</sup> *Tafsīr al-Bayḍāwī* ialah sebuah karya tafsir yang dikarang oleh Qāri Naṣir al-Dīn al-Khayr, 'Abd Allāh ibn 'Umar ibn Muḥammad Ibn 'Alī al-Bayḍāwī al-Syāfi'i. Beliau berasal dari Parsi dan meninggal dunia di Bandar Tibriz pada tahun 685H. Tafsir ini ialah sebuah karya tafsir yang menghimpunkan di antara tafsir dan takwil mengikut kaedah Bahasa Arab dan memperkuatkan hujah-hujah Ahli al-Sunnah wa al-Jamā'ah. *Ibid.*, h. 305

<sup>21</sup> *Tafsīr al-Nasafī* ialah tafsir yang dihasilkan oleh Abu al-Barakāt, 'Abd Allāh ibn Ahmad, Maḥmūd al-Nasafī al-Hanafī. Tokoh mufasssīr ini meninggal dunia pada tahun 701H. Karya ini telah diringkaskan dari *Tafsīr al-Bayḍāwī* dan *al-Kasysyāf* serta dihasilkan untuk menolak tafsiran pro Muktaẓilah. *Ibid.*, h. 311.

<sup>22</sup> *Tafsīr al-Khāzin* adalah tafsir yang dihasilkan oleh 'Ala' al-Dīn al-Baghdādī al-Syāfi'i (678-741H). Karya ini digolongkan sebagai *al-Tafsīr bi al-Ra'y*. *Ibid.*

*Tafsir Rūḥ al-Ma'ānī*<sup>23</sup> dan kitab-kitab tafsir lain dijadikan rujukan oleh para guru apabila mereka menghadapi sebarang masalah dalam mentafsir ayat-ayat al-Qur'an. Menurut Peter Riddell, karya-karya tafsir yang dikemukakan di atas amat mendapat tempat di alam Melayu.<sup>24</sup>

Mengikut sistem pengajian di pondok, ilmu tafsir disampaikan secara *talaqqī* oleh guru kepada pelajar-pelajarnya. Guru berada di hadapan, manakala kitab tafsir dibaca sebaris demi sebaris oleh guru tersebut. Guru seterusnya memberi penerangan dan huraian ringkas, serta menerangkan rujukan *ḍamir* (kata ganti nama) yang terdapat dalam kitab yang dibaca. Para pelajar pula akan mencatat dan membariskan mana-mana kalimah yang dirasakan perlu, kerana kitab itu akan menjadi bacaannya apabila mereka mengajar kelak. Kitab tafsir yang dipelajari, akan dibaca dari awal sehingga akhir. Setelah tamat, kitab itu diulang semula sehingga beberapa kali, kerana murid yang belajar bersilih ganti, ada yang baru dan ada yang lama, ada yang muda dan ada yang tua. Oleh itu, mereka yang mengaji lama dan bersungguh-sungguh mempelajari sesuatu kitab, akan dapat menguasai kitab-kitab yang dipelajarinya itu dengan baik.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun, kebanyakan guru yang mengajar di dalam sistem ini menggunakan metod *al-Ma'thūr* dan tidak menggunakan metod *al-Ra'y*. Mereka akan mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an menurut kitab tafsir yang dibaca oleh mereka sahaja dan mengelakkan diri daripada mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an mengikut akal fikiran sendiri. Menurut Ismail Awang, perkara ini didorong oleh beberapa faktor seperti berikut:<sup>26</sup>

- i. Ulama konservatif takut mentafsir al-Qur'an kerana mereka merasai diri mereka tidak cukup syarat untuk menjadi pentafsir.
- ii. Guru-guru al-Qur'an umumnya tidak tahu mentafsirkan al-Qur'an, dan kerana itu, mereka tidak mengajar murid-muridnya mentafsir al-Qur'an.
- iii. Orang-orang yang mengarang dan mengajar tafsir al-Qur'an dalam tahun 1930-an dianggap sebagai Kaum Muda.
- iv. Pelajaran tafsir tidak dianggap pelajaran yang penting seperti Fiqh, Tajwid, Nahw dan Taṣawwuf.

<sup>23</sup> *Rūḥ al-Ma'ānī Fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* adalah tafsir yang ditulis oleh Shihāb al-Dīn Sayyid Muḥammad Afandī al-Alūsī (1218H.-1270H). Tafsir ini dikategorikan sebagai *al-Tafsīr bi al-Ra'y*. *Ibid.* h. 361.

<sup>24</sup> Peter Riddell (2001), *Islam and the Malay-Indonesian World*, Singapore: Horizon Books, h. 139-146.

<sup>25</sup> Ismail Awang (1987), *op.cit.*, h. 178-179.

<sup>26</sup> *Ibid.*, 186-187.

- v. Ulama Kelantan tidak berani mengarang kitab tafsir al-Qur'an. Haji Mohammad Yusuf (Tok Kenali) sendiri tidak mengarang kitab tafsir. Syeikh Jalaluddin dilaporkan pernah berkata:

"Adalah guru hamba al-'Alim al-'Allamah Syeikh Mohammad Yusuf Kenali yang diwafatkan dia pada 2 Sya'ban hari Ahad, pada tahun 1352H., beberapa kali disuruh akan dia di hadapan hamba supaya ia mentafsirkan al-Qur'an sahaja dengan ketiadaan syarahnya, kerana kita tiada hafal akan huruf-huruf tafsir dan kalimahnyanya yang menerangkan maksud ayat al-Qur'an".<sup>27</sup>

- vi. Penjajahan Inggeris yang telah mengubah fikiran orang-orang Melayu dari mendalami al-Qur'an kepada mempelajari mata pelajaran yang diajar di sekolah. Pelajaran al-Qur'an dan tafsir tidak diajar di sekolah-sekolah Inggeris dan Melayu sebelum merdeka. Ada kelas al-Qur'an yang diganti dengan sekolah Melayu.<sup>28</sup>

Selain daripada sistem pengajian pondok, tafsir al-Qur'an juga diajar di Kelas *Tafaqquh fī al-Dīn*.<sup>29</sup> Kelas ini diadakan untuk memberi peluang kepada masyarakat tempatan di Kelantan mempelajari kitab-kitab lama, supaya akan lahir dari kalangan mereka ahli-ahli agama yang benar-benar dapat memahami, menguasai dan mengkaji kitab-kitab tersebut. Perancangan untuk mengadakan kelas *Tafaqquh fī al-Dīn* ini lahir ekoran dari wujudnya kesedaran tentang beberapa kelemahan yang ada dalam pengajian pondok dan sistem persekolahan. Antara mata pelajaran yang diajar di kelas ini ialah Tafsir dan beberapa mata pelajaran lain seperti Fiqh, Tawhīd, Taşawwuf dan Nahw. Teks tafsir yang digunakan ialah *Tafsir al-Baydāwī* dan gurunya ialah Dato' Haji Mohd. Nor bin Haji Ibrahim, bekas Mufti Kerajaan Kelantan. Kelas *Tafaqquh fī al-Dīn* ini memakan masa selama lima tahun. Pengajian tafsir dalam bentuk ini sedikit sebanyak memberi ruang kepada masyarakat tempatan mendalami sesebuah karya tafsir dengan lebih mendalam.

<sup>27</sup> Syeikh 'Uthman Jalaluddin (1939), *Anwar al-Huda*, Penang: Persama Press, h. 4.

<sup>28</sup> Francis Wong Hoy, et al., *Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Heineman Educational Book, h. 12.

<sup>29</sup> Kuliah *Tafaqquh fī al-Dīn* ialah satu program pendidikan agama yang diadakan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1970, di bangunan Majlis Ugama Islam Kelantan. Di sini disediakan tempat penginapan untuk para pelajar dan tempat belajar ialah di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Seramai sepuluh orang murid telah diambil oleh Majlis Ugama Islam untuk tujuan ini. Lihat Ismail Awang (1987), *Pengajian dan Tafsir al-Qur'an*, h. 179.



## 2. Pengajian Tafsir Dalam Sistem Persekolahan

Di Kelantan, pengajian tafsir di Sekolah Arab bermula pada tahun 1945 iaitu di Maahad Muhammadi Kota Bharu. Mata pelajaran tafsir mula diperkenalkan setelah Haji Mohd Noor bin Haji Ibrahim mengajar di Maahad Muhammadi. Beliau adalah guru pertama yang mengajar tafsir al-Qur'an dengan menjadikan *Tafsir al-Jalalayn* sebagai teks bagi mata pelajaran ini.<sup>30</sup>

Walau bagaimanapun, pada tahun 1960, Majlis Ugama Islam Kelantan telah mengeluarkan satu Sukatan Pelajaran Ugama bagi sekolah-sekolah kelolaan Majlis Ugama Islam Kelantan dan diikuti oleh sekolah-sekolah agama rakyat<sup>31</sup> di seluruh Kelantan. Dalam sukatan baru tersebut, mata pelajaran tafsir dikira sebagai salah satu mata pelajaran yang penting.<sup>32</sup>

Silibus untuk mata pelajaran ini telah disusun khusus dengan menjadikan petikan beberapa potongan ayat al-Qur'an sebagai kandungan silibus tersebut. Pelajaran tafsir sudah diajar dari darjah satu sehingga darjah sembilan. Buku *al-Ayāt wa al-Ahādīth al-Mukhtārāt* I, II, dan III digunakan untuk pelajar darjah satu sehingga tiga, manakala pelajar darjah VII, VIII dan IX menggunakan *Tafsir al-Marāghī*<sup>33</sup> sebagai teks pengajian. Walau bagaimanapun, pada tahun 1962, buku *Tafsir al-Marāghī* ditukar kepada buku tafsir yang dihasilkan oleh Haji Mohd Nor bin Ibrahim. Ia tidak dicetak, cuma disediakan dalam bentuk stensil sahaja. Walau bagaimanapun, perbicaraannya mendalam dan penjelasannya terang dan jelas.<sup>34</sup> Pengajian tafsir yang menjadikan *Tafsir al-Marāghī* sebagai teks pengajian ialah antara faktor yang menyebabkan aliran pembaharuan yang dicetuskan oleh Muhammad Abduh dan dipanjangkan oleh Muhammad Rasyid Rida tersebar

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 180.

<sup>31</sup> Sekolah agama rakyat ialah sekolah yang dibangunkan oleh rakyat. Gaji guru dan kakitangan sekolah tersebut dibayar oleh rakyat dan sekolah ini ditadbir oleh jawatankuasa khas yang dipilih oleh rakyat. Sekolah-sekolah ini berkembang dengan pesatnya di Negeri Kelantan selepas merdeka. Lihat *ibid.*, h. 145.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Tafsir al-Marāghī* ialah sebuah karya yang dihasilkan oleh Syaikh Muṣṭafā al-Marāghī (1881-1945M), mantan Syaikh al-Azhar. Beliau adalah rakan seperjuangan Muhammad Rasyid Rida dan pernah menjadi murid kepada Muhammad 'Abduh. Beliau banyak terpengaruh dengan aliran tajdid yang dibawa oleh Muhammad 'Abduh. Semasa menjadi Syaikh al-Azhar, beliau telah melakukan beberapa pembaharuan kepada sistem pengajian Universiti al-Azhar. Kitab *Tafsir al-Marāghī* adalah karya tafsirnya yang terbesar yang mengandungi 30 juzuk.

<sup>34</sup> Ismail Awang, *op.cit.*, h. 181.

kepada para pelajar dan akhirnya tersebar pula kepada masyarakat tempatan.

Mata pelajaran tafsir al-Qur'an yang diajar di sekolah-sekolah Arab<sup>35</sup> dan di sekolah-sekolah Agama Rakyat dapat diikuti dengan baik oleh para pelajar. Ini kerana mata pelajaran Arab turut diajar di sini. Justeru itu, ia secara langsung dapat membantu pelajar membaca al-Qur'an secara sendiri dan seterusnya mengetahui makna dan isi kandungan al-Qur'an yang dibacanya.<sup>36</sup>

Sementara di Sekolah Agama Rakyat, ilmu tafsir juga diajar untuk para pelajar darjah satu hingga darjah tiga. Buku-buku tafsir yang digunakan ialah *Rahsia Mengadap Tuhan*, karangan Haji Nik Mohd Adib bin Haji Nik Daud untuk pelajar darjah I, dan *Tafsir al-Qur'an, Juzu' 'Ammah*, karangan Abu Luqman untuk pelajar darjah II dan III. Setelah tamat darjah III, para pelajar ini akan menyambung pelajaran ke Maahad Muhammadi atau Madrasah Naim Lilbanat, Kota Bharu.<sup>37</sup>

Manakala pengajian tafsir di Sekolah Rendah Kebangsaan pula, ia bermula dari sukatan pelajaran yang diperkenalkan pada tahun 1959. Para pelajar diajar menghafal dan mentafsir ayat-ayat al-Qur'an mulai dari darjah satu hingga tingkatan V menengah. Tetapi bagi sekolah menengah, pengajian ini lebih menekankan pentafsiran berbanding dengan hafalan.<sup>38</sup> Pengajian tafsir di sekolah rendah banyak memberi tumpuan kepada ayat-ayat dari surah-surah yang terdapat dalam *Juz 'Ammah*.<sup>39</sup> Manakala untuk sekolah menengah pula, kebanyakan ayat yang dipilih sebagai bahan tafsir adalah diambil dari berbagai surah, seperti al-Baqarah, al-Nisa', al-Ma'idah dan lain-lain.<sup>40</sup>

---

<sup>35</sup> Sekolah Arab pertama telah dibuka di Kelantan ialah pada 1 April 1937 oleh Majlis Ugama Islam Kelantan. Pembukaan sekolah ini adalah bagi menyahut perintah Sultan Kelantan agar sekolah tersebut dibuka dengan tujuan "untuk mengajar bahasa 'Arab sebagai bahasa al-Qur'an". Untuk mengembangkan sekolah 'Arab ini, pihak Majlis Ugama Islam Kelantan telah mengambil alih beberapa buah sekolah agama rakyat, misalnya, al-Madrasah al-Falahiyyah Pasir Pekan yang ditubuhkan pada tahun 1943, al-Madrasah al-'Arabiyyah Pasir Mas, yang ditubuhkan pada 1 Jan. 1943, al-Madrasah Indera Putera, Beris Kubur Besar, yang ditubuhkan pada 26 Mac 1943 dan Madrasah Syams al-Ma'arif Pulai Condong, yang ditubuhkan pada 1 Jan. 1949. Lihat Ismail Awang (1987), *Pengajian dan Tafsir al-Qur'an*, h. 143.

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 150.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 182

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> *Ibid.*

### 3. Pengajian Tafsir di Institusi Non Formal

Selain daripada institusi formal yang menawarkan pengajian tafsir secara lebih teratur, pengajian tafsir juga ditawarkan kepada masyarakat di institusi non formal seperti di masjid dan madrasah di seluruh Kelantan. Waktu mengajar ialah pada setiap pagi Jumaat dan selepas Maghrib. Guru-gurunya bergilir dengan mata pelajaran berlainan seperti Aqidah, Fiqh, Hadis, Tasawwuf dan sebagainya.<sup>41</sup>

Di antara institusi non formal yang menjadi pusat pengajian ilmu di Kelantan ialah Masjid Muhammadi yang dibangunkan pada tahun 1867 M. Masjid ini ialah masjid yang paling terkenal sebagai pusat ibadat dan pengajian ilmu, termasuklah pengajian tafsir. Bentuk pengajian tafsir di sini adalah sama dengan bentuk pengajian pondok sama ada sebelum merdeka atau selepasnya. Antara tokoh yang banyak terlibat dengan pengajaran tafsir di masjid ini ialah Haji Mohd Nor (Dato' Mufti). Beliau mengajar tafsir di masjid ini pada waktu pagi sebelum beliau mengajar di Maahad Muhammadi. Kalangan yang mengikuti pengajian tafsir di masjid ini terdiri daripada pelajar-pelajar Maahad Muhammadi dan masyarakat tempatan. Teks yang digunakan oleh beliau adalah *Tafsir al-Nasafi* yang merupakan sebuah karya tafsir klasik. Pengajian tafsir di Masjid Muhammadi dapat bertahan sehingga ke hari ini dengan guru yang silih berganti. Di antara mereka yang pernah mengajar tafsir di Masjid ini ialah Haji Nik Abdul Rahman Nik Kob, Haji Nik Abd. Aziz Nik Mat, Haji Nik Abd. Kadir Nik Muhammad dan lain-lain.<sup>42</sup>

Senario pengajian tafsir berubah dengan cepat, khususnya selepas merdeka. Ada di kalangan tok-tok guru di Kelantan cuba mentafsir al-Qur'an, dengan memilih surah-surah tertentu sahaja dan ada juga di kalangan mereka mentafsirkan sebuah al-Qur'an dengan lengkap.

Selain daripada mengajar tafsir al-Qur'an, para ulama Kelantan juga tidak ketinggalan mengarang kitab-kitab tafsir. Ismail Awang, menerusi kajian sarjananya, menyenaraikan beberapa buah buku tafsir yang pernah ditulis dan dikumpul oleh ulama Kelantan, antaranya ialah:<sup>43</sup>

- i. *Ramuan Rapi* (Tafsir Surah al-Kahf), oleh Haji Mohd. Nor Haji Ibrahim (Dato' Mufti), terbitan Majlis Ugama Islam Kelantan, tahun 1957.
- ii. *Terjemahan al-Qur'an al-Karim, Surah al-Baqarah*, siri I, oleh Yusoff Zaky Yaacob, keluaran Pustaka Dian, Kota Bharu, Kelantan, 1959.

---

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 184.

<sup>42</sup> Ismail Awang, *Pengajian dan Tafsir al-Qur'an*, h. 184.

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 188-189.

- iii. *Di sekitar Surah al-Naba'* (Falsafah Qiyamat) oleh Yusoff Zaky Yaacob, keluaran Pustaka Dian, Kota Bharu, 1959.
- iv. *Tafsir Juzu' 'Amma*, oleh Mohd Pauzi Haji Awang, keluaran Pustaka Aman Press, Kota Bharu Kelantan, 1964.
- v. *Tafsir Surah Yasin*, oleh Yusoff Zaky Yaacob, keluaran Pustaka Dian, Kota Bharu, 1979.
- vi. *Tafsir Juzu' 'Amma*, oleh Abu Loqman, keluaran Percetakan al-Ahliyyat, Kota Bharu, 1976.
- vii. *Pimpinan Rahman*, oleh Abdullah Basmih dan semakan oleh Haji Mohd. Nor Hj. Ibrahim, Majlis Kebangsaan Islam, 1976.
- viii. *Rahsia Mengadap Tuhan* (Terjemahan dari Surah al-Fatihah, surah al-Duha), oleh Haji Nik Mohd. Adib Mohammad, terbitan al-Ahliyyat Press, Kota Bharu, Kelantan,
- ix. *Tafsir Surah al-Mulk*, oleh Abu Loqman, keluaran Percetakan al-Ahliyyat, Kota Bharu.
- x. *Khulasat al-Qur'an* (1-2), oleh Haji Wan Ismail bin Wan Nawang, keluaran Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1982.<sup>44</sup>

Karya-karya tafsir yang dikemukakan di atas adalah di antara bukti yang menggambarkan senario pengajian tafsir di Kelantan. Kesungguhan para ulama mengajar ilmu-ilmu agama termasuk tafsir al-Qur'an menyebabkan lahirnya karya-karya dalam berbagai bidang ilmu, khususnya bidang pengajian tafsir yang menjadi warisan ummah sepanjang zaman.

Para ulama dan pembesar di Kelantan turut berperanan menyebarkan ilmu tafsir ke dalam masyarakat Islam. Pada tahun 1920-an, satu usaha yang dipelopori oleh Dato' Bentara Jaya, Megat Othman dan Haji Ismail dan beberapa orang sahabatnya telah dibuat untuk menerbitkan satu majalah yang bernama *al-Kitab*. Majalah ini diterbitkan dua tahun selepas penerbitan *Majalah Pengasuh* dan memberi tumpuan kepada ilmu tafsir di samping cuba mengengahkan isu-isu semasa. Majalah *al-Kitab* juga memuatkan beberapa artikel daripada *Tafsir Baydāwī* yang diterjemahkan oleh ulama daripada Aceh. Walaupun majalah *al-Kitab* cuba mengengahkan tafsir al-Qur'an dan isu-isu semasa, namun majalah

---

<sup>44</sup> Tafsir *Khulasah al-Qur'an* oleh Haji Wan Ismail Wan Nawang adalah sebuah karya tafsir yang lengkap tiga puluh juzuk. Ia disusun dari tafsir gurunya Haji Abdullah Nuh, dari Pasir Putih, Kelantan. Lihat Ismail Awang (1987), *op.cit.*, h. 189.

tersebut tidak dapat bertahan lama dan akhirnya ditutup pada Disember 1920.<sup>45</sup>

Penulis sejarah juga pernah mencatatkan bahawa pada tahun 1929M, satu kesedaran tentang pentingnya penafsiran al-Qur'an telah timbul di kalangan pembesar Melayu Kelantan. Bagi memenuhi keperluan masyarakat kepada sebuah kitab tafsir berbahasa Melayu, mereka telah memberi kepercayaan kepada Tuan Guru Haji Mohd Yusof Haji Ahmad atau lebih dikenali dengan panggilan Tok Kenali untuk mengetuai satu pasukan bagi menterjemahkan kitab *Tafsir al-Khāzin* ke dalam bahasa Melayu.<sup>46</sup>

Desakan agar diterjemahkan *Tafsir al-Khāzin* dan *Kitāb al-Umm* ke dalam bahasa Melayu dapat dilihat kepada surat titah al-Sultan Ismail kepada Datuk Perdana Menteri supaya berunding dengan Tok Kenali dan Haji Pak Cik Musa untuk menterjemahkan kedua-dua karya agung tersebut dengan mengemukakan tangga gaji bagi kedua-duanya iaitu \$780 setahun dengan kenaikan gaji \$60 sampai \$1,200 untuk Tok Kenali, dan \$600 setahun dengan kenaikan gaji \$60 sampai \$960 untuk Pak Cik Haji Musa.<sup>47</sup>

Kerja penterjemahan yang dipimpin oleh Tok Kenali ini berjalan begitu lancar dan digerakkan secara bersungguh-sungguh. Dalam masa empat belas bulan setengah, mereka dapat menyiapkan terjemahan *Tafsir al-Khāzin* sebanyak 907 halaman iaitu dari juzuk awal sampai kepada juz *La Yuḥibbullah*. Jumlah tersebut ialah tiga perempat daripada jilid pertama kitab tafsir tersebut. Terjemahan *Kitāb al-Umm* pula hanya dapat disiapkan sebanyak 341 halaman sahaja, iaitu sampai pada *bab Istiqbāl al-Qiblah*. Jumlah halaman ini ialah lebih kurang satu pertiga daripada jilid pertama kitab tersebut.<sup>48</sup>

Walaupun usaha penterjemahan ini nampaknya telah digerakkan secara bersungguh-sungguh oleh para ulama tersebut, namun terdapat pihak tertentu di Majlis Agama Islam Kelantan yang merasa tidak puas hati dengan usaha gigih itu, lalu pihak Majlis mengadakan penyelidikan terhadap kelemahan usaha tersebut dan melaporkan kepada baginda Sultan. Perkara ini sangat terkesan kepada Tok Kenali

<sup>45</sup> William R. Roff (1974), *Kelantan Religion, Society and Politics in Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford Univ. Press, hal 174. lihat juga Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusuf (1985), *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya, Satu Kumpulan Esei*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 3.

<sup>46</sup> Abdul Rahman al-Ahmadi (1983), *Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Sukan, h. 29.

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> *Ibid.*

dan Pak Cik Haji Musa dan menyebabkan mereka tidak mahu lagi menyambung usaha penterjemahan tersebut.<sup>49</sup>

Selain daripada itu, *Majalah Pengasuh* juga memberi sumbangan besar kepada bidang tafsir al-Qur'an. Dato' Yusoff Zaky Hj. Yaacob adalah di antara tokoh prolific yang banyak menyumbangkan tulisan dan buah fikiran dalam bidang tafsir. Sepanjang penglibatan dalam *Majalah Pengasuh*, beliau telah menulis pelbagai artikel dalam berbagai bidang ilmu termasuk bidang tafsir al-Qur'an. Beliau mempunyai satu kolom tetap dalam majalah tersebut iaitu "Di bawah Gema al-Qur'an" dan menerusi kolom ini, beliau mentafsir surah al-Baqarah. Tulisan Dato' Yusoff Zaky menerusi kolom "Di bawah Gema al-Qur'an" adalah merupakan tulisan yang berasaskan cetusan dan buah fikiran beliau sendiri hasil dari pemahaman beliau terhadap kitab-kitab tafsir yang muhtabar dan bukannya saringan kepada tafsir *Fi Zilāl al-Qur'ān* oleh Sayyid Qutb seperti sangkaan banyak pihak. "Di bawah Gema al-Qur'an" mengengahkan topik-topik tertentu bagi setiap keluarannya mengikut tema ayat-ayat yang ingin ditafsirkan.<sup>50</sup> Tulisan beliau itu diterbitkan dalam *Majalah Pengasuh* bilangan 403 hingga 469 (Februari 1975 - Mac 1983).

Dato' Yusoff Zaky juga telah menterjemah tafsir *Fi Zilāl al-Qur'ān* dan terjemahan ini berjaya disiapkan dan diterbitkan pada tahun 2000 oleh Pustaka Aman Press. Sebelum terjemahan ini siap sepenuhnya, Dato' Yusoff Zaky telah menerbitkan terjemahan ini secara berperingkat, iaitu mengikut surah-surah tertentu sebagaimana berikut:

1. *Di Bawah Bayangan al-Qur'an (juzu' Qad Sami'a Allāh)* (1985), Dian Darul Naim Sdn. Bhd.
2. *Di Bawah Bayangan al-Qur'an (juzu' Tabāarak)* (1985), Dian Darul Naim Sdn. Bhd.
3. *Di Bawah Bayangan al-Qur'an (juzu' 'Amma)* (1986), Dian Darul Naim Sdn. Bhd.
4. *Di Bawah Bayangan al-Qur'an (Surah al-Dhāriyāt - al-Ḥadīd)* (1986), Dian Darul Naim Sdn. Bhd.
5. *Di Bawah Bayangan al-Qur'an (Surah al-Aḥqāf)* (1887), Dian Darul Naim Sdn. Bhd.

---

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> Untuk keterangan lanjut, rujuk *Majalah Pengasuh*, bil. 403 hingga 469 (Februari 1975 - Mac 1983).

Terjemahan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Islam dan telah diulang cetak beberapa kali.

## KESIMPULAN

Boleh dikatakan bahawa sejarah pengajian tafsir al-Qur'an di Kelantan berlaku serentak dengan kemasukan Islam ke negeri tersebut. Ia mengalami pembaharuan yang pesat apabila lahirnya ulama-ulama *islāh* tempatan yang terpengaruh dengan pemikiran Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rasyid Rida di Mesir. Sejarah awal pengajiannya bermula di dalam sistem pengajian pondok, di mana karya-karya tafsir klasik dijadikan teks yang dibaca oleh guru kepada murid-muridnya. Para guru membuat ulasan-ulasan pendek terhadap karya tersebut dan menumpukan kepada aspek tata bahasa dan bacaan. Mereka tidak banyak menyentuh masalah politik, ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, pendekatan ini mengalami perubahan setelah wujudnya sistem pengajian persekolahan dan kemuncaknya ialah apabila tercetus pergeseran di antara ulama konservatif yang mendominasi aliran pengajian pondok dengan ulama *islāh* yang mempelopori aliran pengajian sekolah agama di Tanah Melayu. Polemik di antara dua kelompok ulama ini sebenarnya telah mewarnai bentuk pengajian Islam, khususnya di Kelantan.

Sekolah-sekolah agama yang diwujudkan oleh ulama *islāh* tempatan yang dipelopori oleh Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari, Muhammad al-Khalali dan para pengikutnya seperti Syed Syeikh al-Hadi dan lain-lain memberi kesan yang besar kepada orientasi pengajian tafsir di Tanah Melayu ketika itu, khususnya di Kelantan yang pernah menjadi pusat pengajian Islam di rantau Melayu. Tafsiran ulama *islāh* tidak hanya menumpukan kepada aspek tatabahasa dan retorik (*balāghah*) sahaja, namun banyak menyentuh dan mengulas masalah-masalah ekonomi, politik dan sosial yang dihadapi oleh umat Islam. Karya-karya tafsir Muhammad 'Abduh, Muhammad Rasyid Rida, khususnya *Tafsīr al-Manār* diketengahkan, malah Syed Syeikh al-Hadi mengambil inisiatif menterjemah *Tafsīr al-Fatihah* dan beberapa karya lain yang dihasilkan oleh Muhammad 'Abduh ke dalam bahasa Melayu untuk memberi ruang yang lebih besar kepada masyarakat Melayu berinteraksi dengan tafsiran tersebut.

Senario di atas menggambarkan bahawa pengajian tafsir di Kelantan telah berlangsung sejak dari zaman awal lagi dan ia telah digerakkan oleh ulama tradisional tempatan. Walau bagaimanapun, pengajian tafsir semakin berkembang setelah lahirnya sekolah-sekolah Arab di Kelantan yang menawarkan bentuk pengajaran yang lebih menarik dan meluas. Malah pengajian tafsir yang

berlangsung di institusi pengajian non formal dan digerakkan oleh para ulama tempatan turut menyumbang ke arah berkembangnya pengajian tafsir di Kelantan kerana ia memberi ruang yang luas kepada masyarakat awam mengikuti pengajian tafsir secara percuma. Perjuangan yang dilakukan oleh para ulama menerusi kuliah-kuliah tafsir dapat membantu masyarakat tempatan memahami ajaran al-Qur'an sebenar yang bebas dari unsur-unsur yang tidak benar seperti, amalan dan kepercayaan bid'ah, tahyul dan khurafat yang meresap dengan begitu meluas dalam masyarakat Islam pada waktu itu.